

10/09/1998

PM hadir raptai penuh KL '98

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menghadiri raptai penuh upacara pembukaan Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI (KL '98), di Stadium Nasional Bukit Jalil, di sini.

Perdana Menteri yang diiringi isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, menghabiskan masa kira-kira dua jam untuk menonton persembahan penuh gemilang dan berwarna-warni itu.

Turut hadir Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik dan Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali.

Upacara pembukaan sebenar akan dirasmikan Yang Dipertuan Agong, Tuanku Ja'afar, Jumaat ini.

Raptai penuh itu dibahagikan kepada prapertunjukan dan program utama yang setiap satu mengambil masa kira-kira dua jam.

Bahagian pertama yang bermula pada jam 5 petang membabitkan persembahan artis tempatan, pancaragam dan 15 ahli penerjun bebas yang membawa bendera Malaysia, Kanada, Persekutuan Sukan Komanwel (CGF), Kuala Lumpur dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Selepas itu, diadakan program utama seperti pembacaan ikrar dan perarakan masuk kontinjen .

Acara kemuncak raptai itu menampilkan pertunjukan kebudayaan, persembahan yang dianggap tunjang majlis pembukaan KL '98.

(END)